



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Panik, tamak punca terjebak penipuan kewangan

Publication/Portal: Harian Metro

Date: 15 December 2021

Language: Malay

Section: Lokal

Page: 8

## Panik, tamak punca terjebak penipuan kewangan

**Jempol:** Sikap panik dan tamak dikenal pasti antara punca individu mudah menjadi mangsa penipuan kewangan membabitkan *Macau Scam*, *Love Scam*, pelaburan dan pinjaman tidak wujud serta e-belian.

Ketua Polis Daerah Jempol, Hoo Chang Hook berkata, dari Januari hingga November, 168 laporan polis dibuat mangsa yang mengalami penipuan membabitkan jenayah komersial di

daerah ini.

Katanya, ia membabitkan kerugian RM1.35 juta dengan penipuan Macau Scam membabitkan kerugian paling tinggi iaitu RM394,139.

“Kerugian menerusi penipuan e-belian berjumlah RM314,728; *Love Scam* RM297,593, pelaburan tidak wujud RM140,846 dan pinjaman tidak wujud membabitkan kerugian RM183,316.

“Sehingga November lalu, Bahagian Siasatan Jenayah Komersial (BSJK) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Jempol berjaya melakukan 136 tangkapan membabitkan pemilik akaun (mula akaun),” katanya ditemui pada program *Talk to Us* di Pasar Borong Bahau, semalam.

Hoo berkata, dalam tempoh itu juga, 70 pertuduhan dibawa ke mahkamah bagi tindakan selanjutnya.

Katanya, orang ramai di-

nasihatkan peka dan mengambil tahu modus operandi digunakan penjenayah.

Hoo berkata, IPD Jempol sudah mengadakan lima kali program *Talk to Us* sepanjang tahun ini mengikut kawasan balai polis di daerah ini.

“Kita perlu melaksanakan lapan program pada setiap tahun dengan program bertujuan mendekatkan masyarakat bersama polis,” katanya.